

## **CABARAN DAN KEYAKINAN PELAJAR MELAYU TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI SEKOLAH MENENGAH**

### **CHALLENGE AND CONFIDENCE LEVELS AMONG MALAY STUDENTS TOWARDS ARABIC LANGUAGE TEACHING AND LEARNING IN SECONDARY SCHOOL**

MUHAMMAD NAJIB JAAFAR

*Corresponding Author*

Faculty of Major Language, Universiti Sains Islam  
Nilai, Malaysia  
E-mail : najibjaffar81@gmail.com

ZULKIPLI MD ISA

Faculty of Major Language, Universiti Sains Islam  
Nilai, Malaysia  
E-mail : zulkipli@usim.edu.my

WAHIDA MANSOR

Faculty of Major Language, Universiti Sains Islam  
Nilai, Malaysia  
E-mail :

ARNIDA ABU BAKAR

Faculty of Major Language, Universiti Sains Islam  
Nilai, Malaysia  
E-mail :

ZAINAL ABIDIN HAJIB

Faculty of Major Language, Universiti Sains Islam  
Nilai, Malaysia  
E-mail :

### **ABSTRAK**

*Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap cabaran dan keyakinan pelajar-pelajar Melayu di sekolah menengah terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini juga melihat faktor-faktor yang membentuk cabaran dan mempengaruhi keyakinan para pelajar sekolah menengah dalam mempelajari Bahasa Arab. Seterusnya, kajian turut meneliti hubungan antara keyakinan pelajar-pelajar bertutur dalam Bahasa Arab dengan kekerapan mereka bertutur. Sampel kajian terdiri daripada 1400 orang pelajar tingkatan 1, 2, dan 4 dari sekolah menengah agama di semenanjung Malaysia yang menawarkan subjek bahasa Arab Komunikasi. Data kajian dipersembahkan secara diskriptif dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian mendapati tahap cabaran pelajar dalam mempelajari Bahasa Arab boleh dianggap sebagai mencabar pada kedudukan min sebanyak 3.1340 dengan nilai sisihan piawainya adalah pada 0.6470. Manakala tahap keyakinan pelajar terhadap bahasa Arab boleh dianggap sederhana dengan skor min mereka adalah pada 2.768 dan sisihan piawainya pula adalah pada 0.313. Kajian ini mendapati sembilan faktor boleh dikaitkan dengan cabaran pelajar mempelajari bahasa Arab dan lapan faktor yang mempengaruhi keyakinan mereka. Ujian Khi Kuasa Dua telah digunakan bagi menentukan kebergantungan keyakinan pelajar bertutur dalam bahasa Arab dengan kekerapan mereka bertutur dalam bahasa Arab. Test of Independent telah dilakukan dan mendapati ianya signifikan pada aras 0.05, dengan nilai  $\chi^2 = 107.588$ ,  $df = 9$ ,  $p = 0.000$ .*

**Kata kunci:** *cabaran, keyakinan, pengajaran dan pembelajaran, diskriptif, sisihan piawai*

## ABSTRACT

*The purpose of this study was to know the obstacle and confidence level among Malay secondary students towards teaching and learning Arabic language. This study also tried to find out the co-relation between the confidence level among Malay secondary students and frequency of their communication. This study was carried out involving 1400 students of standard 1, 2 and 4 all over the Malaysia west schools which offer the Arabic of Communication. Then, the data has been analysed using descriptive method into frequency, percentage and mean. The results has shown that Malay students faced an obstacle in learning Arabic language with mean score = 3.1340 and standard deviation. = 0.6470. The result has also shown the confidence level of them towards Arabic language was average with mean score = 2.768 and sd. = 0.313. The result also shown that there are nine factors of obstacles and eight factors of confidence level that influence of learning Arabic language. Test of  $\chi^2$  is used to ensure the correlation between students' confidence level and their frequency of communication in Arabic Language. Test of Independent also be done and has its significant with level 0.05, with value  $\chi^2 = 107.588$ ,  $df = 9$ ,  $p = 0.000$ .*

**Keywords:** *obstacles; confidence; teaching and learning; descriptive; standard deviation*

### Pendahuluan

Terdapat laporan yang menukilkan tentang kelemahan dan ketidakpercayaan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab. Ramai pelajar meletakkan tentang kesukaran untuk mempelajari bahasa Arab. Pihak kementerian dan penyelidik dari pusat pengajian tinggi banyak membuat penyelidikan tentang kaedah dan pendekatan yang terbaik dalam pengajaran bahasa Arab. Namun demikian rungutan kesukaran mempelajari Bahasa Arab terus meningkat. Walaupun begitu, masih terdapat ramai pelajar berlumba-lumba memohon untuk memasuki pusat pengajian tinggi yang menggunakan medium pengajaran dalam bahasa Arab seperti di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Ini menunjukkan terdapatnya keyakinan diri pada pelajar ini dalam mendepani cabaran yang mereka hadapi dalam meningkatkan lagi ilmu mereka dalam pelbagai bidang pengajian yang mereka ceburi.

Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh pelajar universiti awam iaitu bahasa Arab sukar dari segi tatabahasa dan morfologinya, perbendaharaan kata bahasa Arab luas dan pengertiannya kompleks, kepelbagaian struktur ayat dalam bahasa Arab, pensyarah tidak menggunakan sepenuhnya Bahasa Arab di dalam dan di luar kelas serta rakan-rakan tidak berinteraksi dalam bahasa Arab secara aktif (Lubna & Nadwah, 2007). Selain itu, mereka juga menyatakan faktor-faktor yang menjadi cabaran kepada pembelajaran Bahasa Arab antaranya ialah faktor bahasa Arab itu sendiri, faktor komunikasi dengan pensyarah dan rakan, faktor pentadbiran institusi, faktor kemahiran bahasa dan faktor bahasa ibunda.

Terdapat juga kelemahan-kelemahan dalam kalangan pelajar dan juga pengajar yang membuatkan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab itu menjadi sukar (Asma, 2003). Antara kesukaran yang dihadapi oleh guru dan pensyarah termasuklah kesukaran mendapatkan bahan bacaan akhbar dan majalah, kesukaran mendapatkan rujukan kamus, kesukaran mendapatkan audio visual Arab, kesukaran membina ayat Arab dan kesukaran mendapatkan rujukan buku Arab.

Dalam pada itu, pelajar merupakan faktor utama kejayaan pembelajaran dan bukannya bergantung kepada faktor-faktor luaran yang lain (Ghazali et al., 2011). Tanggungjawab untuk menguasai pembelajaran didapati diletakkan kepada diri pelajar sendiri tanpa membabitkan faktor-faktor luaran seperti faktor pensyarah dan faktor nasib. Mereka menyatakan bahawa pelajar seharusnya mempunyai minat, berdisiplin, bersikap positif dan berusaha bersungguh-sungguh semasa belajar.

Selain itu, terdapat tiga halangan utama yang perlu dihadapi dengan mengambil kira sikap mereka terhadap pembelajaran bahasa asing yang boleh dirumuskan dalam bentuk persoalan seperti berikut (Azman & Goh, 2005):

- i. Bagaimanakah cara untuk meningkatkan minat pelajar terhadap bahasa Arab?
- ii. Apakah pendekatan terbaik untuk mengubah sikap malu yang dianggap sebagai satu halangan kepada pelajar untuk menguasai bahasa Arab?
- iii. Adakah tenaga pengajar yang sedia ada mempunyai kelayakan dan kemahiran yang sesuai sebagai pengajar bahasa yang sebenar?

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti bentuk-bentuk cabaran yang dihadapi oleh pelajar-pelajar Melayu di sekolah menengah dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab. Selain itu, ianya bertujuan untuk mengetahui tahap keyakinan mereka dalam menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Di samping itu, ianya bertujuan untuk melihat hubungan di antara bentuk-bentuk cabaran dan tahap keyakinan pelajar-pelajar Melayu di sekolah menengah dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab.

### Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Kajian berbentuk tinjauan ini akan melibatkan pemerhatian dan pentadbiran borang soal selidik. Kaedah soal selidik merupakan cara yang terbaik dan paling popular dalam pengumpulan maklumat terutamanya untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi selain daripada keterangan latar belakang (Oppenheim, 1966).

## **Cabaran dan Keyakinan Pelajar Melayu Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah**

Sampel kajian ini dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan berstrata berdasarkan jenis sekolah. Persampelan secara strata berdasarkan jenis sekolah ini dilakukan bagi mendapatkan perkadaran jenis sekolah dan pencapaian-amalan yang representatif dari setiap jenis sekolah berkenaan yang membentuk pola pelajar masa kini dan sebagai wakil bagi populasi kajian sebenarnya. Kaedah ini amat sesuai digunakan dalam kajian yang melibatkan pelbagai bentuk latar belakang demografi yang menyebabkan kesukaran bagi penyelidik untuk mengambil sampel dari populasi yang tidak sekata. Partisipan yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar Melayu Islam dari Tingkatan 1, Tingkatan 2 dan Tingkatan 4.

Sebanyak 2610 set soal selidik diedarkan, walaubagaimanapun terdapat sebahagian besar borang kaji selidik yang tidak dipulangkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1400 set borang kaji selidik iaitu 54% berjaya dikembalikan manakala bakinya tidak berjaya dipulangkan. Seterusnya, proses analisis data dilaksanakan selepas membuat proses tapisan.

Analisis deskriptif dan inferensi digunakan untuk menghuraikan secara menyeluruh tentang status partisipan kajian yang bertujuan memberi gambaran awal terhadap profil partisipan kajian. Selanjutnya, analisis akan dibuat berdasarkan kepada soalan kajian yang pada akhirnya akan

merumuskan dapatan penjelasan tentang cabaran dan keyakinan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab.

Maklumat yang diterima daripada partisipan kajian dianalisis menggunakan perisian Pakej SPSS 11.5 iaitu pakej statistik untuk bidang Sains Sosial. Data akan dipersembahkan dalam bentuk frekuensi, peratusan dan min.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Keputusan kajian diperjelaskan dengan menggunakan kaedah deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan mean. Statistik inferensi seperti analisis faktor, regresi berganda, ujian-t dan sebagainya turut digunakan. Hasil kajian juga dipersembahkan dalam bentuk jadual, carta, graf dan sebagainya mengikut kesesuaian penjelasan maklumat.

### **Latar belakang peserta**

Pada peringkat awal kajian, sebanyak 2610 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang telah dipilih secara rawak berstrata berdasarkan negeri dan jenis sekolah. Walaubagaimanapun, hanya sebanyak 1400 responden telah memulangkan borang soal selidik dan mengambil bahagian dalam kajian ini. Maklumat responden yang turut serta dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Jadual 1: Maklumat Demografi Kajian

<b>Bilangan</b>	<b>Variable</b>	<b>Kategori</b>	<b>Kekerapan (%)</b>
1	Jenis Sekolah Menengah	SMAP	1.6
		SMKA	3.8
		SMAN	30.1
		SAM	10.1
		SAR	11.8
		SB	0.3
		Lain-Lain	42.3
2	Tingkatan	Tingkatan 1	35.6
		Tingkatan 2	32.9
		Tingkatan 3	31.3
		Tingkatan 4	0.2
3	Jantina	Lelaki	38.4
		Perempuan	61.6
4	Kekerapan bertutur dalam Bahasa Arab	Tidak Pernah	3.5
		Jarang-Jarang	87.1
		Kerap	7.6
		Amat Kerap	1.9
5	Pencapaian Bahasa Arab pada ujian yang baru lalu	Lemah	4.8
		Sederhana	34.7
		Baik	43.5
		Cemerlang	17.0
6	Saya terus bertutur Bahasa Arab walaupun tatabahasanya salah	Tidak	32.5
		Ya	67.5
7	Saya tidak peduli apa orang lain kata tentang Bahasa Arab saya, saya akan terus mempraktikkannya	Tidak	13.9
		Ya	86.1

Soalan kajian

*i. Apakah tahap cabaran pelajar terhadap mempelajari bahasa Arab?*

Tahap cabaran pelajar terhadap mempelajari bahasa Arab boleh dianggap sebagai mencabar pada kedudukan mean sebanyak 3.1340 dengan nilai sisihan piawainya adalah pada 0.6470. Perkadaran pelajar terhadap cabaran bahasa Arab boleh dilihat dari Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Peratusan Pelajar dengan Tahap Cabaran Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab

Tahap Cabaran	Kekerapan	Peratusan
Tidak Mencabar	1	0.1
Kurang Mencabar	18	1.3
Mencabar	911	65.3
Amat Mencabar	465	33.3
<b>Jumlah</b>	<b>1395</b>	<b>100.0</b>

Jadual di atas menunjukkan hampir 99% pelajar menjelaskan bahawa mempelajari bahasa Arab adalah satu tugas yang mencabar bagi mereka untuk mempelajarinya.

*ii. Apakah tahap keyakinan pelajar terhadap bahasa Arab?* Pada umumnya, tahap keyakinan pelajar terhadap bahasa Arab boleh dianggap sederhana dengan skor mean mereka adalah pada 2.768 dan sisihan piawainya pula adalah pada 0.313. Lebih daripada 81% pelajar menunjukkan

keyakinan mereka terhadap bahasa Arab. Ini bermakna, kurang daripada 20% pelajar menunjukkan sifat-sifat kurang yakin terhadap bahasa Arab. Kebolehpercayaan item-item berkenaan dalam menentukan ketekalan keyakinan mempelajari bahasa Arab adalah pada alfa Cronbach 0.797 yang boleh dianggap satu kebolehpercayaan yang tinggi. Keadaan terperinci tentang keyakinan pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Arab dapat dilihat pada Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Kategori Keyakinan Pelajar Terhadap Bahasa Arab

Tahap Keyakinan	Kekerapan	Peratusan (%)
Tidak Yakin	1	0.1
Kurang Yakin	253	18.2
Yakin	1054	75.7
Amat Yakin	85	6.1
<b>Jumlah</b>	<b>1393</b>	<b>100</b>

*iii. Apakah faktor-faktor yang membentuk cabaran mempelajari bahasa Arab?*

Faktor analisis telah dijalankan ke atas semua item yang dibina untuk mengukur cabaran mempelajari bahasa Arab yang dihadapi oleh pelajar. Sebanyak 30 item telah dibina untuk mengukur konstruk cabaran mempelajari Bahasa

Arab. Kajian ini mendapati sembilan faktor boleh dikaitkan dengan cabaran pelajar mempelajari bahasa Arab. Kebolehpercayaan item-item berkenaan dalam menentukan ketekalan cabaran mempelajari bahasa Arab adalah pada alfa Cronbach 0.797 yang boleh dianggap satu kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 4: Faktor Analisis Terhadap Cabaran Mempelajari Bahasa Arab

	Faktor								
	1	2	3	5	6	7	8	9	
b1-Mempelajari bahasa Arab bererti mempelajari nahu bahasa Arab.	498								
b2-Pembelajaran bahasa Arab melalui latih tubi membuat ayat adalah berkesan.	462								
b4-Saya berpendapat dengan menghafal nahu bahasa Arab maka penguasaan bahasa Arab saya menjadi lebih baik.	409								

## Cabaran dan Keyakinan Pelajar Melayu Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah

b11-Guru memperbaiki kesalahan bahasa pelajar di dalam kelas adalah penting.	390	
b13-Saya berpendapat penguasaan bahasa Arab saya akan meningkat jika saya mempraktikkan penggunaan nahu bahasa Arab.	389	
b16-Nahu bahasa Arab perlu diajar secara teori dengan jelas di dalam kelas.	360	
b21-Guru perlu membetulkan sebutan dan kesalahan nahu pelajar di dalam kelas.	329	
b17-Mempelajari bahasa Arab bermakna belajar untuk mempraktikkan bahasa Arab.	300	
b24-Pembelajaran bahasa Arab adalah penting kepada rakyat Malaysia.	567	
b25-Penguasaan bahasa Arab adalah berguna untuk mendapatkan pekerjaan.	560	
b29-Saya berharap dapat menguasai bahasa Arab seperti orang Arab.	323	
b28-Pembelajaran bahasa Arab perlu dimulakan di peringkat pra-sekolah.	317	
b7-Penggunaan bahasa Arab dalam situasi sebenar kehidupan adalah penting.	310	
b19-Program bahasa Arab yang berbentuk komunikasi selalunya memenuhi keperluan pelajar.	.4 80	
b6-Kelas bahasa Arab perlu memfokuskan kepada kemahiran komunikasi.	.3 95	
b18-Mempelajari bahasa Arab dengan cara menggunakannya dalam aktiviti komunikasi penting untuk menguasainya.	.3 95	
b10-Guru perlu mewujudkan persekitaran bahasa Arab di dalam kelas bagi menggalakkan interaksi pelajar secara individu atau secara berkumpulan.	.3 32	
b22-Seorang pelajar bahasa yang bagus biasanya mempunyai sebutan yang betul.	614	
b23-Seorang pelajar yang mempunyai sebutan yang betul biasanya melambangkan penguasaan bahasa Arab yang baik.	592	
b5-Latihan bercakap dalam bahasa Arab adalah tidak	480	

penting dalam pembelajaran bahasa Arab.

b8-Bahasa Arab perlu dipelajari melalui kaedah komunikatif dan penekanan kepada nahu bahasa Arab hanya diberi ketika perlu sahaja.

477

b15-Mempelajari dan mempraktikkan nahu bahasa Arab adalah lebih penting daripada mempraktikkan komunikasi bahasa Arab secara interaktif di dalam kelas.

330

b3-Saya berpendapat bahasa Melayu patut digunakan secara kerap dalam kelas bahasa Arab untuk saya lebih memahami pelajaran.

318

b26-Pelajar bahasa yang bagus adalah seorang pelajar yang bijak.

629

b27-Pelajar yang memperoleh markah yang baik dalam mata pelajaran lain biasanya merupakan pelajar bahasa yang bagus.

541

b14-Pembelajaran nahu secara formal di dalam kelas adalah perlu.

592

b12-Pembelajaran nahu bahasa Arab secara formal penting bagi menguasai bahasa Arab.

444

b30-Guru bahasa Arab lebih banyak menggunakan kaedah terjemah di dalam kelas.

598

b9-Saya berpendapat dengan melakukan kesilapan dalam berkomunikasi bahasa Arab dapat membantu saya dalam mempelajari bahasa Arab.

380

b20-Saya berpendapat adalah penting mengelakkan dari melakukan kesalahan dalam proses mempelajari bahasa Arab.

265

Extraction Method: Principal Axis Factoring. Rotation Method: Varimax with Kaiser Normalization.

Jadual di atas menunjukkan faktor-faktor yang membentuk cabaran pelajar mempelajari bahasa Arab berdasarkan faktor analisis yang dibuat yang boleh disimpulkan kepada faktor-faktor seperti cabaran mempraktik dan berkomunikasi dalam bahasa Arab di sekolah dan juga di rumah. Hal ini disebabkan oleh sikap pelajar yang malu, takut untuk melakukan kesalahan dalam berkomunikasi dan kurang yakin terhadap diri sendiri. Antara cabaran lain dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah pendekatan yang digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa Arab. Penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran membantutkan proses komunikasi pelajar

dalam bahasa Arab dari aspek kosa kata dan juga gaya bahasa pertuturan Arab.

*iv. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keyakinan mempelajari bahasa Arab?*

Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keyakinan mempelajari bahasa Arab, item-item yang digunakan untuk mengukur konstruk keyakinan mempelajari bahasa Arab telah dibuat faktor analisis dan sebanyak lapan faktor telah diperolehi. Kebolehpercayaan item-item berkenaan dalam menentukan ketekalan

## Cabaran dan Keyakinan Pelajar Melayu Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah

keyakinan mempelajari bahasa Arab adalah pada Alfa Cronbach 0.81 yang boleh dianggap satu kebolehpercayaan yang tinggi.

Jadual 5: Faktor Analisis Terhadap Keyakinan Mempelajari Bahasa Arab

Variable Yang Mempengaruhi Keyakinan Mempelajari Bahasa Arab	Faktor-Faktor							
	1	2	3	4	5	6	7	8
1.Saya takut diketawakan oleh rakan-rakan saya apabila saya tersilap bercakap dalam bahasa Arab.	0.781							
2.Saya takut disindir oleh kawan-kawan saya jika bertutur bahasa Arab.	0.765							
3.Saya merasa rendah diri apabila berkomunikasi dalam bahasa Arab.	0.731							
4.Saya malu bercakap dalam bahasa Arab.	0.730							
5.Saya takut silap bertutur dalam bahasa Arab.	0.548							
6.Bahasa Arab tidak relevan dengan perkembangan semasa.		0.753						
7.Bahasa Arab tidak mampu menjawab permasalahan semasa.		0.714						
8.Peluang pekerjaan terhad jika belajar bahasa Arab.		0.697						
9.Belajar bahasa Arab tiada masa hadapan yang cerah.		0.622						
10.Ramai rakan-rakan saya berpersepsi negatif terhadap kebolehan berbahasa Arab		0.411						
11.Saya sukar untuk memahami tata bahasa Arab.			0.612					
12. Bahasa Arab susah dipelajari.			0.599					
13. Saya sukar berinteraksi dalam bahasa Arab.			0.589					
14. Saya tidak berminat untuk selalu berbahasa Arab.			0.484					
15. Saya tidak berminat untuk belajar bahasa Arab.			0.470					
16. Saya merasa ragu-ragu untuk menyusun ayat bahasa Arab.			0.453					
17. Saya tidak bersemangat untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.			0.444					
18. Saya minat Bahasa Arab kerana bapa saya guru.				0.899				
19. Saya minat bahasa Arab kerana ibu saya guru.				0.889				
20. Saya minat bahasa Arab kerana adik-beradik saya belajar di timur tengah.				0.728				

21. Keluarga saya akan menghukum saya jika saya tidak bertutur dalam bahasa Arab.	.409	0	
22. Kebolehan saya berbahasa Arab dipuji oleh guru.		.870	0
23. Kebolehan saya berbahasa Arab dipuji oleh ibubapa.		.832	0
24. Kebolehan saya berbahasa Arab dipuji oleh rakan-rakan		.787	0
25. Saya rasa akan mahir berbahasa Arab suatu hari nanti.		.451	0
26. Saya merasakan penggunaan bahasa Arab tidak meluas di Malaysia.		.662	0
27. Saya tidak bertutur dalam bahasa Arab kerana tidak ada ahli keluarga saya yang boleh bercakap Arab.		.581	0
28. Keluarga saya langsung tidak peduli jika saya boleh berbahasa Arab atau tidak.		.545	0
29. Tidak ada kawan untuk saya berlatih bercakap Arab		.521	0
30. Guru tidak bercakap bahasa Arab di dalam kelas.		.521	0
31. Dalam pembelajaran bahasa Arab saya perlu menghafal banyak perkataan.			.798
32. Dalam pembelajaran bahasa Arab saya acapkali berjumpa dengan kosa kata yang tidak pernah saya dengari.			.736
33. Keluarga saya akan memberi ganjaran kepada saya jika saya cemerlang dalam subjek bahasa Arab.			0.668
34. Saya tidak berjumpa dengan rakan berbangsa Arab di sekolah untuk mempraktikkan Bahasa Arab.			0.590
35. Guru yang mengajar bahasa Arab garang.			0.491

Extraction Method: Principal Axis Factoring. Rotation Method: Varimax with Kaiser Normalization.

Jadual di atas menunjukkan faktor-faktor yang mempengaruhi keyakinan pelajar mempelajari bahasa Arab berdasarkan faktor analisis yang dibuat yang boleh disimpulkan kepada faktor-faktor seperti faktor sikap, motivasi dan persekitaran pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Selain itu, Regresi berganda juga telah digunakan untuk menentukan sumbangan faktor yang tinggi dalam

mempengaruhi keyakinan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini mendapati faktor ke-3 yang terdiri daripada item: (i) Saya sukar memahami tatabahasa Arab, (ii) Bahasa Arab susah dipelajari, (iii) Saya sukar berinteraksi dalam bahasa Arab, (iv) Saya tidak berminat untuk selalu berbahasa Arab, (v) Saya tidak berminat untuk belajar bahasa Arab, dan (vi) Saya tidak bersemangat untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Jadual 6: Koefisien Sumbangan Faktor Keyakinan Mempelajari Bahasa Arab

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients	Sig.
	B	Std. Error	Beta	



## Cabaran dan Keyakinan Pelajar Melayu Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah

1 (Constant)	.129	.009		14.639	.000
F1	.145	.002	.313	96.109	.000
F2	.139	.002	.240	75.961	.000
F3	.196	.002	.345	89.667	.000
F4	.117	.001	.256	92.105	.000
F5	.118	.001	.227	81.849	.000
F6	.110	.002	.203	58.955	.000
F7	.056	.002	.073	28.166	.000
F8	.068	.002	.128	41.443	.000

v. Adakah Keyakinan bertutur bahasa Arab bergantung kepada kekerapan bertutur dalam bahasa Arab?

Ujian Khi Kuasa Dua telah digunakan bagi menentukan kebergantungan keyakinan pelajar bertutur dalam bahasa Arab dengan kekerapan mereka bertutur dalam bahasa Arab. *Test of Independent* telah dilakukan dan mendapati

ianya signifikan pada aras 0.05, dengan nilai  $\chi^2 = 107.588$ ,  $df = 9$ ,  $p = 0.000$ . Ini bermakna keyakinan bertutur bahasa Arab adalah bergantung kepada kekerapan bertutur dalam bahasa Arab. Keyakinan bahasa Arab melalui kekerapan bertutur dalam bahasa Arab adalah seperti dalam Jadual 6 berikut:

Jadual 7: Keyakinan Bahasa Arab Mengikut Kekerapan Bertutur dalam Bahasa Arab

Keyakinan Bertutur dalam Bahasa Arab	N	Mean	Std. Deviation	Tahap Keyakinan
Amat Kerap (Menggunakan bahasa Arab bila bercakap)	26	3.038688	.4045038	Yakin
Kerap (Cakap bahasa Arab dengan kawan di dalam dan di luar kelas)	105	2.933469	.3010454	Yakin
Jarang-jarang (Cakap bahasa Arab bila perlu di dalam kelas)	1205	2.759548	.3003534	Yakin
Tidak Pernah (Tidak pernah bercakap dalam bahasa Arab)	48	2.506679	.3363206	Kurang Yakin

Jadual di atas menunjukkan tahap keyakinan bagi setiap kategori kekerapan bertutur dalam bahasa Arab. Jadual ini menunjukkan bahawa tahap keyakinan itu meningkat dari kategori tidak pernah bercakap bahasa Arab, kurang yakin (mean=2.5067, sisihan piawai=0.3363) kepada amat kerap bercakap bahasa Arab dengan nilai meannya = 3.0387 dengan sisihan piawainya 0.4045.

Apabila diperhalusi lagi tahap peningkatan keyakinan itu, didapati, peningkatannya adalah pada kadar peratusan yang rendah. Peratusan peningkatan daripada tidak pernah bercakap bahasa Arab kepada jarang-jarang bercakap bahasa Arab adalah pada 10.1%, manakala peningkatan daripada jarang-jarang bercakap bahasa Arab kepada kerap bercakap bahasa Arab adalah 6.30%, peningkatan daripada kerap bertutur bahasa Arab kepada amat kerap bertutur bahasa Arab adalah pada 3.59%. Peningkatan ini agak menurun dari 10.1% ke 3.59% akhirnya. Namun demikian, apabila ujian ANOVA dijalankan untuk melihat perbezaan yang wujud antara kategori bertutur bahasa Arab, kajian ini

mendapati, perbezaannya adalah signifikan statistik dengan  $F(3,1380) = 29.387$ ,  $p < 0.01$ .

Kajian selanjutnya adalah untuk menentukan kewujudan perbezaan keyakinan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dari segi keyakinan mereka bertutur dalam Bahasa Arab. Lantaran itu, satu ujian-t telah dijalankan untuk mengenalpasti kewujudan perbezaan ini. Kajian ini mendapati bahawa pelajar perempuan (mean=2.7843, sisihan piawai=0.3087) adalah lebih yakin dari segi pertuturan Bahasa Arab mereka berbanding dengan pelajar lelaki (mean=2.7527, sisihan piawai=0.3129) di mana skor mean keyakinan pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding dengan skor mean keyakinan pelajar lelaki. Ini dapat dijelaskan dalam Jadual 2.5.2 di bawah. Ujian-t yang dijalankan mendapati perbezaan keyakinan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam pertuturan Bahasa Arab adalah tidak signifikan statistik, dengan  $t(1372) = -1.834$ ,  $p > 0.05$ .

Jadual 8: Keyakinan Bahasa Arab Mengikut Jantina

Jantina	N	Mean	Sisihan Piawai	T	Df	Sig. (2-tailed)
Lelaki	527	2.7527	0.3129	-1.834	1372	0.067

Kajian selanjutnya adalah untuk menentukan kewujudan perbezaan keyakinan pelajar mengikut jenis sekolah. Jadual 2.5.3 di bawah ini menunjukkan bahawa tahap keyakinan pelajar SMAN adalah paling tinggi dengan nilai meannya = 2.822606 dengan sisihan piawainya .2945878. Ini diikuti oleh pelajar-pelajar SAR yang didapati tahap

keyakinan mereka ialah dengan nilai meannya = 2.747768 dengan sisihan piawainya .3033125.

Namun demikian, apabila ujian ANOVA dijalankan untuk melihat perbezaan yang wujud antara kategori bertutur bahasa Arab, kajian ini mendapati, perbezaannya adalah signifikan statistik dengan  $F(3,1380) = 29.387, p < 0.01$ .

Jadual 9: Tahap Keyakinan Pelajar Mengikut Jenis Sekolah

Jenis Sekolah Menengah	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error
SMAP	21	2.690493	.2886393	.0629863
SMKA	51	2.724181	.3219008	.0450751
SMAN	406	2.822606	.2945878	.0146201
SAM	137	2.640228	.3478214	.0297164
SAR	159	2.747768	.3033125	.0240542
Sekolah biasa (Aliran Khas)	574	2.678139	.3803008	.1901504
Jumlah	1348	2.771847	.3103256	.0084523

### Perbincangan Dapatan

Berdasarkan data yang diperolehi daripada kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa beberapa soalan yang telah dikemukakan pada peringkat awal kajian telah pun terjawab. Pembelajaran bahasa Arab dianggap sangat mencabar kepada pelajar-pelajar sekolah menengah. Hampir 99% pelajar telah menjelaskan bahawa mempelajari bahasa Arab adalah satu tugas yang mencabar bagi mereka untuk mempelajarinya. Dari aspek keyakinan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab bolehlah dianggap berada pada tahap sederhana. Namun demikian lebih daripada 81% pelajar menunjukkan keyakinan mereka terhadap bahasa Arab. Ini bermakna, kurang daripada 20% pelajar menunjukkan sifat-sifat kurang yakin terhadap pembelajaran bahasa Arab mereka.

Antara faktor-faktor yang dianggap mempengaruhi keyakinan mempelajari Bahasa Arab termasuklah (i) sikap pelajar, (ii) kebolehpasaran, (iii) kesukaran, (iv) sokongan keluarga, (v) motivasi, (vi) persekitaran, (vii) keupayaan menghafal kosa kata dan (viii) dorongan luar. Antara faktor-faktor yang membentuk cabaran mempelajari Bahasa Arab adalah terdiri dari: (i) mempelajari nahu, (ii) kepentingan bahasa Arab, (iii) komunikasi, (iv) fonologi, (v) kaedah pembelajaran, (vi) pencapaian, (vii) pembelajaran formal, (viii) terjemahan dan (ix) latihan sendiri yang diamalkan oleh para partisipan sendiri.

Di samping itu, kajian ini juga mendapati bahawa pelajar perempuan mempunyai keyakinan yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar lelaki, namun perbezaan ini tidaklah signifikan statistik seperti yang diharapkan. Aspek ini dilangsungkan kepada jenis sekolah pelajar mempelajari Bahasa Arab. Memang jelas sekali terdapat perbezaan keyakinan bertutur menggunakan bahasa Arab. Pelajar-pelajar dari SMAN menunjukkan keyakinan

mempelajari bahasa Arab yang amat tinggi sekali, diikuti dengan rapat oleh SAR dan SMKA.

### Penutup

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah di Malaysia menghadapi cabaran yang tinggi berdasarkan dapatan kajian ini yang menunjukkan hampir keseluruhan pelajar menyatakan bahawa mempelajari Bahasa Arab adalah satu tugas yang mencabar bagi mereka. Antara bentuk-bentuk cabaran yang dihadapi oleh pelajar ialah cabaran mempraktik dan berkomunikasi dalam bahasa Arab di sekolah dan juga di rumah. Hal ini disebabkan oleh sikap pelajar yang malu, takut untuk melakukan kesalahan dalam berkomunikasi dan kurang yakin terhadap diri sendiri.

Antara cabaran lain dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab ialah pendekatan yang digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa Arab. Penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran membantutkan proses komunikasi pelajar dalam bahasa Arab dari aspek kosa kata dan juga gaya bahasa pertuturan Arab. Selain itu, guru juga perlu mendorong pelajar untuk aktif menyertai aktiviti-aktiviti bahasa seperti debat, pidato, *coral speaking*, *hiwar* dan sebagainya.

Cabaran sikap, motivasi dan persepsi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab turut mempengaruhi tahap keyakinan dan penguasaan mereka. Pelajar perlu meningkatkan tahap motivasi dalaman seperti berani dan yakin untuk bertutur dan berkomunikasi bersama rakan dan guru, aktif menyertai aktiviti-aktiviti bahasa di sekolah serta rajin meneroka bahan-bahan pembelajaran bahasa dalam media cetak dan elektronik.

## **Cabaran dan Keyakinan Pelajar Melayu Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah**

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai tahap keyakinan yang lebih tinggi untuk bertutur dalam bahasa Arab berbanding pelajar lelaki. Ini mungkin disebabkan oleh faktor sikap yang positif dan motivasi tinggi dalam kalangan pelajar perempuan di sekolah. Jumlah pelajar perempuan yang lebih ramai berbanding pelajar lelaki mewujudkan persaingan positif dalam proses pembelajaran dan ini seterusnya dapat meningkatkan tahap keyakinan untuk menguasai bahasa Arab.

Kajian juga mendapati, wujudnya perbezaan tahap keyakinan pelajar mengikut jenis sekolah. Pelajar-pelajar SMAN didapati mempunyai tahap keyakinan yang lebih tinggi berbanding pelajar-pelajar SAR. Pengurusan dan pemantauan pihak yang bertanggungjawab seperti

pentadbir sekolah dan pejabat agama negeri perlu dilakukan dengan lebih teliti dan proaktif bagi memastikan mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di SAR dimantapkan. Aspek-aspek yang perlu diberi perhatian adalah seperti kurikulum, pedagogi, fasiliti, bahan dan sumber pengajaran dan pembelajaran.

### **Penghargaan**

Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat di dalam penyelidikan ini secara langsung atau tidak langsung. Kajian ini dibiayai oleh geran USIM yang bertajuk Cabaran dan Keyakinan Pelajar Melayu Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah, kod penyelidikan: PPP//FPBU/03/12111.

### **RUJUKAN**

Asma AR. (2003). *Pembelajaran Bahasa Arab Dalam kalangan Penutur Melayu: Suatu Penyelesaian Melalui Laman-Laman Web Arab*. Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-16. ICT dalam Pendidikan dan Latihan: Trend dan Isu. Kuala Lumpur: Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia.

Azman CM & Goh YS. (2005). Situasi Pembelajaran Bahasa Asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Perancis. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*. 2(2): 9-21.

Ghazali Y, Nik Mohd Rahimi NY, Parilah M.S & Wan Haslina W. (2011). Kawalan Kepercayaan Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ketiga. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*. 3(2): 41-47.

Lubna AR, Nadwah D. (2007). *Cabaran Dalam Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Kajian Di Tiga Buah IPT*. Seminar Serantau Islam Hadhari: Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab. Kuala Lumpur: Hotel Grand Seasons.

Oppenheim, A.N. (1966). *Questionnaire Design and Attitude Measurement*, Heinemann, London.